

Jaminan tiada masalah CF kediaman di Putrajaya

UM 15 FEB 2002

Oleh
MARHAINI KAMARUDDIN

BANGI 14 Feb. — Perbadanan Putrajaya memberi jaminan tidak akan timbul sebarang masalah dalam pengeluaran Sijil Layak Menduduki (CF) untuk unit rumah kediaman di Putrajaya pada masa depan.

Pengerusinya, Tan Sri Azizan Zainul Abidin sebaliknya menjelaskan isu kelewatan pemaju mendapatkan CF bagi 441 unit rumah di Putrajaya akhir tahun lalu, berpunca daripada kekeliruan yang tidak ada kaitan dengan pengeluaran sijil berkenaan.

"Sebenarnya bukan masalah CF. Ada alasan lain pada masa itu kenapa bangunan (kediaman) tidak boleh diduduki kerana mereka (pemaju) terpaksa menyediakan kemudahan seperti yang diminta oleh kerajaan sebelum kakitangan (kerajaan) berpindah masuk.

"Sistem kita di sini, CF diberi dalam tempoh selewat-lewatnya dua minggu tetapi lazimnya hanya mengambil masa seminggu sahaja," katanya ketika ditemui Utusan di pejabatnya di sini hari ini.

November lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad, mengeluarkan arahan supaya pihak berkuasa terbabit mempercepatkan pengeluaran CF untuk rumah kediaman di Putrajaya.

Arahan itu dikeluarkan ekoran kegagalan pemaju menyerahkan 441 unit rumah kediaman di kawasan itu kepada pembelinya, kerana belum mendapat CF.

Azizan berkata, pihaknya sentiasa mengadakan perbincangan dengan rakan-rakan perniagaan termasuk pemaju yang terlibat dalam projek pembinaan di Putrajaya.

Memenuhi

Justeru menurutnya lagi, tidak pernah timbul isu yang pemaju tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki untuk mendapatkan CF bagi bangunan masing-masing.

Beliau memberitahu, sehingga kini hampir 100 peratus unit rumah kediaman di Putrajaya telah pun mendapat CF.

Buat masa ini, katanya, terdapat lebih 50,000 unit rumah kediaman yang sudah siap dibina di Putrajaya, manakala 10,000 unit lagi masih dalam pembinaan.

"Apabila semua unit tersebut siap dan diduduki, jumlah penduduk di Pu-

trajaya akan meningkat kepada 70,000 orang," katanya.

Beliau menjangkakan kadar populasi penduduk sebanyak 70,000 orang itu akan dapat dicapai pada tahun 2005 apabila semua kementerian berpindah ke Putrajaya.

Pada masa ini, enam kementerian yang melibatkan 169 jabatan kerajaan telah pun dipindahkan ke pusat pentadbiran kerajaan Persekutuan itu.

"Kita percaya dengan pelbagai kemudahan asas yang disediakan di samping tempat-tempat riadah yang menarik, akan menggalakkan orang ramai mendiami Putrajaya," katanya.

Di samping itu, menurut beliau, peningkatan golongan usahawan membuka perniagaan di kawasan itu memberi galakan untuk lebih ramai orang membeli kediaman di Putrajaya.

Beliau percaya dengan perkembangan yang berlaku, Putrajaya dapat mencapai sasaran 350,000 orang penduduk setanding kota-kota besar lain.